

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 17.3.2016

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pengajar di sekolah-sekolah menengah seperti berikut di Bahagian Kapit iaitu:

- (a) SMK Selirik kekurangan 18 tenaga pengajar; dan
- (b) SMK Kapit kekurangan 20 tenaga pengajar dan SMK Baleh kekurangan 1 tenaga pengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen secara berperingkat-peringkat. Kekosongan jawatan bagi ketiga-tiga buah sekolah berkenaan iaitu SMK Selirik, SMK Kapit dan SMK Baleh akan diisi dengan guru baharu lantikan Interim.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak telah diberikan 553 jawatan Guru Interim bagi mengisi kekosongan yang wujud di sekolah menengah di Sarawak berkuat kuasa mulai 1 Februari 2016 bagi tahun persekolahan 2016.

Untuk maklum Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini SMK Selirik telah menerima lapan (8) orang guru interim sementara SMK Kapit telah ditempatkan 10 orang guru interim. Walau bagaimanapun, SMK Baleh belum ditempatkan guru interim memandangkan bekalan calon guru interim tidak mencukupi untuk masa ini. Dalam masa yang sama, JPN Sarawak masih dalam usaha untuk mengisi baki jawatan guru interim melalui pasaran terbuka graduan anak watan Sarawak yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan.

RJM24